



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I – SESSION 2023 / 2024
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDWP 2133
KOD KURSUS

COURSE NAME : MANAGEMENT ACCOUNTING
NAMA KURSUS PERAKAUNAN PENGURUSAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDWP
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES
TEMPOH 2 JAM 30 MINIT

DATE : DECEMBER 2023 / JANUARY 2024
TARIKH DISEMBER 2023 / JANUARI 2024

INSTRUCTION / ARAHAN:

1. Answer **ALL** questions and write your answers on the answer sheet.
*Jawab **SEMUA** soalan dan tulis jawapan anda pada kertas jawapan.*

(You are required to write your name and your college name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of **6** pages including the cover.
Kertas soalan ini mengandungi **6** muka surat termasuk kulit hadapan.



PUSAT PRGORAM KERJASAMA

PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM – PENYELEWENGAN AKADEMIK

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1. Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

1.1.1. memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau

1.1.2. menggunakan maklumat yang diperoleh seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau

1.1.3. menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau

1.1.4. lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1. Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

2.1.1. memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau

2.1.2. memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

2.2. Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2.3. Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

- Q1. 0.25 gram of a special oil is required for each bottle of Soya Sauce, a very popular product sold through gourmet shops that is produced by The Yoda Company. The cost of the special oil is RM16 per gram. Budgeted production of Soya Sauce is given below for the second quarter, and the first month of the third quarter. [0.25 gram minyak khas diperlukan untuk setiap botol Sos Soya, sebuah produk popular yang dijual di kedai-kedai gourmet dihasilkan oleh Syarikat Yoda. Kos minyak khas tersebut ialah RM16 setiap gram. Pengeluaran Sos Soya dibajetkan seperti yang diberi di bawah untuk sukuan kedua tahun semasa, dan untuk bulan pertama sukuan ketiga].

	April	May	June	July
Required production (bottles)				
[Keperluan pengeluaran (botol)]	5,000	8,000	15,000	10,000

The special oil is so difficult to get that the company must have on hand at the end of each month 20% of the next month's production needs. A total of 250 grams will be on hand at the beginning of April [Minyak khas tersebut sangat susah untuk diperolehi sehinggakan pada hujung setiap bulan syarikat perlu memiliki stok dalam tangan sejumlah 20% daripada keperluan untuk pengeluaran bulan seterusnya. Sejumlah 250 gram akan berada dalam tangan pada awal bulan April].

Required [Dikehendaki]:

- a. Prepare a direct materials budget for the special oil, by month and in total for the second quarter. Be sure to include both the quantity to be purchased and its cost for each month. [Sediakan bajet bahan langsung untuk minyak khas tersebut, secara bulanan dan jumlah keseluruhan untuk sukuan kedua tahun itu. Pastikan anda mempamerkan kuantiti yang perlu dibeli dan kosnya untuk setiap bulan]. [20M]
- b. List **FIVE (5)** advantages of budgeting [Senaraikan **LIMA (5)** kelebihan penyediaan bajet]. [5M]

[TOTAL [JUMLAH] 25M]

Q2. Raihana Labs Company makes a product which has the following standards [Syarikat Raihana Labs membuat sebuah produk yang mempunyai standard-standard berikut:]

Direct materials [Bahan langsung]	2.5 gram @ RM20 per gram
Direct labor [Buruh langsung]	1.4 hours [jam] @ RM12.50 per hour [jam]
Variable manufacturing overhead [Overhead pengeluaran berubah]	1.4 hours [jam] @ ? per hour [jam]

Variable manufacturing overhead is applied on the basis of direct labor hours. The following data are available for October [Overhead pengeluaran berubah diaplikasikan pada asas jam buruh langsung. Data berikut tersedia untuk bulan Oktober]:

- 3,750 units of products were produced during the month [3,750 unit produk telah dihasilkan sepanjang bulan].
- There was no beginning direct materials inventory [Tiada inventori awal bahan langsung].
- The ending direct materials inventory was 2,000 gram [Inventori akhir bahan langsung adalah 2,000 gram].
- Direct materials purchased: 12,000 gram for RM225,000 [Bahan mentah dibeli: 12,000 gram pada harga RM225,000].
- Direct labor hours worked: 5,600 hours at a cost of RM67,200 [Jam buruh langsung bekerja: 5,600 jam pada kos RM67,200].
- Variable manufacturing overhead costs incurred amounted to RM18,200 [Kos overhead pengeluaran berubah dibelanjakan berjumlah RM18,200].
- Variable manufacturing overhead applied to products: RM18,375 [Overhead pengeluaran berubah diaplikasikan kepada produk: RM18,375].

Required [Dikehendaki]:

Compute the following variances for Zee. Show and label your computations [Kirakan varian-varian berikut untuk Zee].

- Materials price variance [Varians harga bahan]. [5M]
- Materials quantity variance [Varians kuantiti bahan]. [5M]
- Labor efficiency variance [Varians kecekapan buruh]. [5M]
- Variable overhead spending variance [Varians perbelanjaan overhead berubah]. [5M]
- Variable overhead efficiency variance [Varians kecekapan overhead berubah]. [5M]

[TOTAL [JUMLAH] 25M]

Q3. The management of Raimi Corporation is considering dropping product KJ6338Q. Data from the company's accounting system appear below [*Pihak pengurusan Syarikat Raimi mempertimbangkan untuk menggugurkan produk KJ6338Q. Data dari sistem perakaunan syarikat diberikan seperti berikut*]:

Sales [<i>Jualan</i>]	RM720,000
Variable expenses [<i>Belanja berubah</i>]	RM374,000
Fixed manufacturing expenses [<i>Belanja tetap pengeluaran</i>]	RM245,000
Fixed selling and administrative expenses [<i>Belanja tetap jualan dan pentadbiran</i>]	RM209,000

All fixed expenses of the company are fully allocated to products in the company's accounting system. Further investigation has revealed that RM173,000 of the fixed manufacturing expenses and RM150,000 of the fixed selling and administrative expenses are avoidable if product KJ6338Q is discontinued [*Semua belanja tetap syarikat diagihkan kepada produk dalam sistem perakaunannya. Siasatan susulan mendedahkan bahawa RM173,000 belanja tetap pengeluaran dan RM150,000 belanja tetap jualan dan pentadbiran tidak dapat dielakkan jika produk KJ6338Q digugurkan*].

Required [*Dikehendaki*]:

- a. What would be the effect on the company's overall net operating income if product KJ6338Q were dropped? Should the product be dropped? Show your work. [*Apakah kesan terhadap untung bersih keseluruhan syarikat jika produk B90D digugurkan? Patutkah produk KJ6338Q digugurkan? Tunjukkan jalan kerja anda*] [20M]
- b. Explain the meaning of differential cost and opportunity cost [*Terangkan maksud kos perbezaan dan kos peluang*]. [10M]

[TOTAL [*JUMLAH*] 30M]

- Q4. Muaz Mikael Co. manufactures and sells trophies for winners of athletic and other events. Its manufacturing plant has the capacity to produce 18,000 trophies each month; current monthly production is 14,400 trophies. The company normally charges RM103 per trophy. Cost data for the current level of production are shown below [Syarikat Muaz Mikael mengeluarkan dan menjual piala-piala untuk pemenang-pemenang sukan dan juga pelbagai acara. Kilangnya berkeupayaan untuk mengeluarkan 18,000 unit piala setiap bulan; tahap keluaran semasa adalah 14,400 unit piala. Syarikat ini biasanya mengenakan harga sebanyak RM103 untuk setiap unit piala. Data berkenaan kos untuk tahap pengeluaran semasa ini adalah seperti berikut] :

Variable costs [Kos-kos berubah]:

Direct materials [Bahan langsung]	RM460,800
Direct labor [Buruh langsung]	RM316,800
Selling and administrative [Jualan dan pentadbiran]	RM15,840

Fixed costs [Kos-kos tetap]:

Manufacturing [Pengeluaran]	RM404,640
Selling and administrative [Jualan dan pentadbiran]	RM74,880

The company has just received a special one-time order for 900 trophies at RM48 each. For this particular order, no variable selling and administrative costs would be incurred. This order would also have no effect on fixed costs [Syarikat ini telah menerima sebuah tempahan khas untuk 900 unit piala pada harga RM48 seunit. Untuk tempahan khas ini, tiada kos-kos berubah jualan dan pentadbiran perlu dibelanjakan. Tempahan ini juga tidak memberi kesan terhadap kos-kos tetap].

Required [Dikehendaki]:

- a. Should the company accept this special order? Show your analysis in detail. [Patutkah syarikat ini menerima tempahan khas tersebut? Tunjukkan analisa anda secara terperinci]. [20M]
- b. Suggest **TWO (2)** circumstances a company would agree to a special order even if the company incurs losses. [Cadangkan **DUA (2)** keadaan sesebuah syarikat itu bersetuju untuk memenuhi tempahan khas walaupun syarikat mengalami kerugian]. [5M]

[TOTAL [JUMLAH] 25M]

-END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT]-